



JOJAPS

eISSN 2504-8457



KAJIAN TINJAUAN TERHADAP KEBERKESANAN PENGUNAAN TEKNIK 'FACEMAP' DALAM PEMBELAJARAN *SHORTHAND* TERHADAP PELAJAR DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN

Juhana Binti Simarani, Liza Binti Mohd Salleh & Zuriana Binti Mohamed

Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson

Abstrak:

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan pembelajaran berasaskan 'facemap' bagi kursus DPK10012 Shorthand di Politeknik Port Dickson. Teknik pembelajaran video interaktif berasaskan inovasi penggunaan 'facemap' dibangunkan sebagai inisiatif baru agar dapat membantu menyelesaikan permasalahan pelajar mengingat dan mempelajari gurisan shorthand mengikut sistem Pitman 2000. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan facemap dalam pembelajaran Shorthand. Soal selidik telah diberikan kepada 51 orang pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan semester 4. Responden dikehendaki melihat video infografik bertajuk "Learn Basic Shorthand" yang dimuatnaik serta menjawab soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu a) mesra pengguna, b) teknikal, c) elemen video infografik dan d) interaktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan ukuran skala likert antara 1 hingga 3. Data dianalisa menggunakan Ms Excel untuk mengetahui peratusan hasil keberkesanan teknik ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 72.5% teknik ini mudah dicapai atau mesra pengguna dan pelajar tidak memerlukan ilmu pengkomputeran yang tinggi. 84.3% menyatakan kejelasan pada suara dan kelancaran peralihan paparan. Manakala elemen infografik menyatakan kesesuaian dari segi warna, gambar dan pilihan bentuk fon (78.4%), animasi (80.4%) dan kesesuaian strategi pengajaran yang dipersembahkan mencapai 80%. Manakala isi kandungan adalah berkaitan dan susunan bahan adalah baik masing-masing 80.4%. Sementara 78.4% menyatakan teknik ini mempunyai sifat dan kesan interaktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat baik. Secara keseluruhannya teknik ini boleh digunapakai kepada pelajar atau masyarakat yang ingin mempelajari gurisan Shorthand dengan mudah dan berkesan. Dalam masa yang sama penggunaan gurisan Shorthand ini dicadangkan agar dapat digunapakai dalam membuat nota atau penerangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus lain seperti kursus Organizational Behavior, Human Resource Management, Office Practice, Record Management agar pensyarah dan pelajar Sains Kesetiausahaan ini sentiasa mahir dan menggunakan gurisan Shorthand dalam melaksanakan tugas mereka.

© 2022 Published by JOJAPS Limited

Kata kunci: kemahiran Shorthand, infografik, pelajar sains kesetiausahaan, inovasi

1. Pengenalan

Dasar dan hala tuju pendidikan negara antaranya adalah untuk menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara. Belajar untuk menguasai kemahiran (*learning to do*) dapat melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran untuk diaplikasikan dalam bidang pekerjaan yang bakal diceburi kelak. Pemilihan kualiti pekerja sangat dititik beratkan oleh sesebuah organisasi pekerja yang berketrampilan, cekap dan produktif dan sesuai dengan budaya korporat organisasi (Syamimi, 2019). Salah satu kemahiran setiausaha yang perlu mereka mahir ialah kursus *Shorthand*, jika mereka memilih kerjaya dalam bidang kesetiausahaan. Kursus *Shorthand 1* merupakan salah satu kursus yang wajib diambil oleh pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan di Politeknik Port Dickson. Di peringkat Politeknik, pelajar yang mengambil kursus ini, mereka perlu lulus setiap semester bagi melayakkan mereka mengambil kursus yang sama di peringkat yang lebih tinggi.

Shorthand di takrifkan oleh Cambridge Dictionary (2020) merupakan sistem penulisan pantas yang menggunakan garis dan tanda mudah untuk mewakili kata dan frasa. Bayard (2012) pula mendefinisikan bahawa *Shorthand* adalah merupakan sistem tulisan tangan yang cepat dan boleh digunakan untuk menyalin kata yang dituturkan. Sistem *Shorthand* menggunakan pelbagai teknik termasuk memudahkan penulisan huruf atau aksara yang sedia ada dan menyerupai simbol khas untuk mewakili fonem, kata dan isyarat. Proses menulis dalam singkatan turut disebut stenografi, daripada istilah Bahasa Yunani menggabungkan perkataan *stenos* “sempit” dan *graphein* “menulis”. *Shorthand* adalah sistem penulisan pantas yang melibatkan: (a) Penggunaan tanda dan simbol untuk mewakili suara yang diucapkan seperti yang dapat dilihat dalam *Shorthand* Pitman. (b) Penggunaan kombinasi huruf konvensional bahasa Inggeris yang ditambah simbol ringkasan bagi keantasan penulisan. (c) Penggunaan mesin singkatan yang diwakili oleh huruf abjad Inggeris seperti dalam *stereotip*. Pitman *Shorthand* disusun oleh Sir Isaac Pitman (1813 - 1897) dan mula-mula diterbitkan dalam tahun 1837. Sistem Pitman menggunakan orthography fonemik. Kadangkala ia dikenali sebagai Phonography, yang bermaksud 'penulisan suara' dalam bahasa Yunani. Satu daripada sebab sistem ini membolehkan transkripsi adalah bahawa bunyi vokal merupakan pilihan apabila hanya konsonan diperlukan untuk menentukan perkataan.

Menurut Noor Hisham Md Naw (2011) pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sentiasa berubah. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa pembelajaran berorientasikan pelajar sedang diurusperanakan secara radikal. Trend pendidikan beralih kepada pembelajaran secara maya di mana institusi pendidikan kini berusaha gigih untuk mengaplikasi dan menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran baru (hybrid) dan model pengajaran berikutan pandemik global. Menurut Kevin Koh (2021) bukan sahaja kualiti mempengaruhi apa yang didengar, malah ia juga mempunyai impak langsung terhadap tahap berhubung dan produktiviti disamping melonjakkan kewibawaan penyampai. Ketika sektor pendidikan di Malaysia meneruskan trend ke arah pembelajaran maya, dijangka institusi pendidikan juga memilih untuk mendapatkan rumusan berjangka panjang berbanding hanya sementara. Oleh itu, melalui kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti tahap keberkesanan pembelajaran *Shorthand* dengan penggunaan 'Facemap' di Politeknik Port Dickson.

1.2 Penyataan Masalah

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kursus *Shorthand* yang menggunakan kaedah Sistem Pitman, *Shorthand 1* adalah merupakan salah satu kursus teras diambil oleh pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan di Politeknik Port Dickson (Kurikulum Program DSK, berkuatakuasa Jun 2014). Di peringkat Politeknik pelajar yang mengambil kursus ini perlu lulus bagi semester tersebut untuk melayakkan pelajar mengambil kursus *Shorthand 2*, *Shorthand 3* dan *Note Taking* di peringkat yang lebih tinggi. Walaupun program 'Klinik *Shorthand*' yang dilaksanakan di Politeknik Port Dickson merupakan pengukuhan pembelajaran secara intensif untuk mengatasi masalah pelajar dalam mempelajari *Shorthand*, membaca artikel dan menghafal simbol-simbol selain pelajar didedahkan dengan format peperiksaan akhir (Juhana, 2019). Namun ianya dilaksanakan secara bersemuka semasa 'study week' dua minggu sebelum peperiksaan akhir adalah tidak mencukupi sebagai persediaan akhir mereka. Pembelajaran psikomotor ini tidak dapat dikuasai dalam masa yang singkat (Lim Cheng Hui, 2012).

Dalam silibus DPK 10012 *Shorthand 1*, pelajar diberi ilmu pengetahuan dan diuji serta dinilai hasil pembelajaran *Shorthand* dalam ujian, pratikal dan demonstrasi. Pengkelasan mengikut kluster *Course Learning Outcomes* (CLO) dan *Program Learning Outcomes* (PLO) yang terkandung dalam silibus pembelajaran *Shorthand*. Ketepatan menggaris gurisan *Shorthand* adalah dengan menggaris mengikut tebal atau nipis sesuatu gurisan, bentuk-bentuk gurisan menurun atau menaik sama ada gurisan tegak atau melengkung, bentuk-bentuk gurisan mendatar sama ada gurisan lurus atau melengkung boleh membawa maksud yang berlainan. Imbuhan awalan dan akhiran bagi sesuatu perkataan Bahasa Inggeris akan mempunyai simbol tersendiri. Kesukaran pelajar dalam mengingat kesemua konsonan dan bentuk gurisan, memahami dan membezakan bentuk gurisan, menterjemah gurisan ke perkataan atau sebaliknya, ditambah pula dengan kurang penguasaan dalam Bahasa Inggeris. Apakah penyelesaian yang harus difikirkan untuk membantu pelajar mahir *Shorthand* dikala cara pembelajaran hybrid ini? Apakah inovasi yang boleh dicipta supaya pelajar dapat mempelajari *Shorthand* ini sepanjang masa dengan mudah.

1.3 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan 'Facemap' ini dalam pembelajaran Shorthand.

1.4 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan teknik 'Facemap' dalam pengajaran dan pembelajaran Shorthand dari aspek penggunaannya, kejelasan, kelancaran, infografik dan kesesuaian kepada pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan di Politeknik Malaysia.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Pembelajaran Interaktif

Pembelajaran interaktif boleh didefinisikan sebagai pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah di mana pelajar terlibat secara fizikal, seperti mengambil nota sewaktu kuliah. Pembelajaran interaktif yang konstruktif memerlukan hasil pembelajaran oleh pelajar (bukan hanya dokumentasi), seperti pemahaman dan menyampaikan kepada rakan lain atau peta minda dan lain-lain yang banyak digunakan dalam pendidikan (Machellino et. Al, 2021). Dengan pembelajaran interaktif, pelajar dapat memberikan idea yang bernas dalam perbincangan, seperti sesi soal jawab, dan penyelesaian masalah. (Vercellotti, 2018). Ia disokong oleh (Che In & Ahmad, 2018) pembelajaran interaktif memberi impak pembelajaran atau peluang yang luas kepada pelajar menerusi penglibatan aktif pelajar, kolaboratif dan menggalakkan pembelajaran seumur hidup. Pengalaman pembelajaran boleh diperolehi menerusi penggunaan e-pembelajaran dan keperluan kolaborasi antara pelajar dan pengajar perlu wujud supaya pembelajaran dua hala berlaku bagi meningkatkan proses pembelajaran dan memudahkan penggunaan teknologi terkini terutamanya dalam bidang kemahiran, mempunyai peranan yang semakin penting dalam pengajaran dan pembelajaran (Ruzzakiah et al, 2020). Penggunaan multimedia akan dapat memberi situasi pembelajaran di mana "belajar dengan usaha" akan digantikan dengan "belajar dengan keseronokan". Lebih-lebih lagi, dalam pembelajaran orang dewasa, belajar dengan usaha menjadi sukar dilaksanakan kerana pelbagai faktor seperti usia, kemampuan memahami, kurang minat dan lain-lain (Siti Mazira, 2019). Oleh itu, pembelajaran interaktif menyenangkan, kreatif dan tidak membosankan menjadi pilihan pensyarah. (Elyas, 2018). Kata-kata hikmah berbunyi '*don't do as I do, but do as I say*' menyatakan harapan kepada pensyarah Shorthand untuk menjadi pengamal penggunaan Shorthand semasa bekerja di pejabat (Patric Sam, 2020)

2.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Ilmu pengetahuan diperolehi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peranan daripada guru dan pelajar yang berlaku dalam berbagai situasi sama ada formal mahupun tidak formal. (Rosli & Noor, 2017). Gaya pengajaran pensyarah atau pengajar adalah perlu berbeza mengikut peredaran semasa dan generasi yang diajar bagi menarik minat mereka seiring dengan perubahan era yang dilalui oleh mereka. Ini jelas di dalam kajian Che Ghani et al. (2016) di mana menyatakan jika pensyarah atau pengajar tidak menyesuaikan pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar, maka ia akan menimbulkan implikasi ketidakselesaan dan kurangnya perhatian oleh pelajar semasa mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyebabkan pelajar tertinggal dalam pelajaran. Ini disokong oleh Abdul Rashid (2021), pelaksanaan lebih kreatif perlu dilakukan pensyarah dalam medium penyampaian disediakan bagi mengelakkan pelajar bosan.

2.3 Kemahiran Shorthand

Shorthand ditakrifkan oleh Cambridge Dictionary (2020) merupakan sistem penulisan pantas yang menggunakan garis dan tanda mudah untuk mewakili kata dan frasa. Bayard (2012) pula mendefinisikan bahawa *Shorthand* adalah merupakan sistem tulisan tangan yang cepat yang boleh digunakan untuk menyalin kata yang dituturkan. Sistem Shorthand menggunakan pelbagai teknik termasuk memudahkan penulisan huruf atau aksara yang sedia ada dan menyerupai simbol khas untuk mewakili fonem, kata dan isyarat. *Shorthand 1* merupakan salah satu kursus kemahiran yang wajib diambil oleh pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan di Politeknik Port Dickson (Kurikulum Program DSK, Effective June 2014). Pitman *Shorthand* disusun oleh Sir Isaac Pitman (1813-1897) dan mula-mula diterbitkan dalam tahun 1837. Sistem Pitman menggunakan orthography fonemik. Kadangkala ia dikenali sebagai Phonography, yang bermaksud 'penulisan suara' dalam bahasa Yunani. Satu daripada sebab sistem ini membolehkan transkripsi adalah bahawa bunyi vokal merupakan pilihan apabila hanya konsonan diperlukan untuk menentukan perkataan.

2.4 Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang sains sosial. Kajian tinjauan juga banyak digunakan dalam bidang pendidikan (Syaaika,2019) dan sering digunakan kerana versatiliti, berkesan dan generalisasi. Versatiliti bermaksud kebolehan untuk menyelesaikan masalah berkaitan sikap, perspektif, nilai dan kepercayaan responden berkaitan dengan pendidikan (Nurul farina et. al,2019)

3. Metodologi Kajian

Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Populasi seramai 54 pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan, persampelan kelompok pelajar semester 4 telah menjawab soal selidik ini. Persampelan kelompok ini sesuai jika elemen-elemen yang terdapat di dalam populasi adalah berselerak (homogeneous) semasa kajian dijalankan. Persampelan ini berdasarkan keupayaan pengkaji membahagikan populasi sampel engikut kelompok kemudian memilih elemen untuk setiap kelompok menggunakan persampelan rawak mudah (Norazlina, 2015) Pemilihan responden dikalangan pelajar semester 4 ini didapati sesuai kerana mereka telah mempelajari semua topik Shortand dan Trengkas semasa semester satu hingga tiga dan mereka mempelajari *Note Taking* pada semester ini yang mana boleh sudah menilai keberkesanan inovasi yang digunakan ini dalam pelbagai elemen isi kandungan dan persembahan multimedia.


Saiz ini menurut Krejcie & Morgan (1970) diterima jumlahnya kerana dalam kategori data. Soalan dibina di dalam google form beserta video pembelajaran menggunakan facemap berdurasi 8 minit yang dimuatnaik dan beberapa soalan yang perlu dijawab oleh responden.

Kandungan dalam video pembelajaran ini adalah :

- i. Sinopsis *Shorthand Sistem Pitman 2000 Stroke*
- ii. Definisi Shorthand
- iii. Jumlah topik yang terkandung dalam pembelajaran Shorthand
- iv. Jenis-jenis gurihan Shorthand ;
 - *Straight down strokes - P, B,T,D,Ch, J*
 - *Straight Verticle Strokes - K,G*
 - *Curve Down strokes - F,V, Th,th, S,Z,Sh, Zh*
 - *Curve Verticle Strokes – M,N,Ng*
 - *Circes s, ses, zes, ces*
 - *S Loop & Ster Loop*
 - *Stroke R*
 - *Stroke H*
 - *Sroke L*

- Hook N
 - Hook R
 - Hook L
 - Hook Shun
 - Diphthong
 - Triphones
 - Stroke W, Y & Wh
- v. Memorizing shorthand Using Facemap

Muat turun pautan video infografik di youtube: <https://youtu.be/GaME3ONw8go>



Gambarajah 1: Antara paparan video pembelajaran *Shorthand Pitman 2000 Strokes*

Pengkaji telah mengambil sebahagian soal selidik penilaian keberkesanan multimedia daripada sumber internet (Salena,2020) dan memilih tiga unsur daripadanya iaitu: a) mesra pengguna - 2 item; b) teknikal- 2 item; c) elemen video infografik - 6 item; manakala elemen d) interaktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran- 2 (Abdul Rasid et.al,

2012). Pilihan jawapan mengikut skala likert 1-3 (1- sangat tidak memuaskan, 2 – memuaskan dan 3—sangat memuaskan). Skala likert tiga darjat ini bertujuan untuk memudahkan mencari purata keupayaan diskriminasi (Kendra). Data yang diperoleh diproses dan dianalisa menggunakan Ms Excel untuk melihat peratusan.

4. Dapatan Kajian

Data diperolehi secara atas talian menggunakan google form. Terdapat 12 item soal selidik di dalam kajian ini dibahagikan kepada 4 elemen iaitu i) mesra pengguna, ii) teknikal, iii) elemen video infografik dan iv) interaktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran.

4.1 Hasil dapatan demografi daripada soal selidik di atas talian.

Responden pelajar	92.2 %	Semester 4
Responden pensyarah	7.8 %	Pilot test (Pensyarah mengajar Shorthand))
Jantina-perempuan	96.1%	Pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan

Rajah 1: Demografi Responden


Berdasarkan taburan responden di atas, responden adalah dari kalangan pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK) 92.2% pelajar semester 4. Rasionalnya pelajar ini telah tamat mempelajari kesemua topik dalam *Shorthand 1* dan 2 dan mereka terus menggunakannya untuk pembelajaran *Note Taking* pada semester 5. Jadi kumpulan ini sudah tahu menilai tentang kejelasan isi kandungan dan strategi pengajaran dan pembelajaran kursus ini. Responden dikalangan pensyarah (7.8%) menjawab soalan 'pilot test'. Majoriti pelajar DSK adalah pelajar perempuan (96.1%)

4.2 Berikut adalah graf keseluruhan keberkesanan yang diberikan oleh responden bagi menjawab persoalan dan objektif kajian sama ada teknik *facemap* ini mesra pengguna. Istilah mesra pengguna bermaksud pelajar mudah membuka atau mengakses untuk melihat kandungan laman web ini. Selain itu juga ia bermaksud perlukah mereka mempunyai ilmu pengkomputeran yang tinggi untuk membuka sesawang ini.

Elemen 1: Mesra pengguna

Item 1: Pengguna boleh mengakses dengan mudah

Item 2: Tidak memerlukan sebarang ilmu komputer



Graf 1: Graf menunjukkan elemen mesra pengguna responden semasa mengakses di laman web

Graf menunjukkan 72.5% menyatakan laman web ini mudah diakses dan 52.9 % menyatakan responden tidak memerlukan ilmu pengetahuan pengkomputeran yang tinggi untuk mengakses laman web ini.


4.3 Elemen seterusnya bertujuan untuk mengetahui tahap kejelasan suara dan kelancaran paparan peralihan slaid.

Item 3: Video infografik yang dibangunkan mempunyai latar suara yang jelas

Item 4: Video infografik yang dibangunkan mempunyai paparan peralihan yang lancar

Maksud kejelasan suara adalah dengan memperdengarkan suara pembaca dengan intonasi yang betul tepat sebutan setiap akronim dalam sebutan Bahasa Inggeris.

Maksud paparan peralihan yang lancar menunjukkan pergerakan setiap slaid aalah tidak tersangkut-samgkut dan selari dengan suara pembaca.



Graf 2: Graf menunjukkan elemen teknikal pada tahap kejelasan suara dan kelancaran paparan slaid

Graf menunjukkan elemen teknikal pada tahap kejelasan suara dan kelancaran paparan slaid adalah 84.3%. Ini menunjukkan bahawa pelajar dapat mendengar suara rekod dengan jelas dalam Bahasa Inggeris yang mudah difahami dan tiada masalah tersekat-sekat pada slaid yang disediakan.

4.4 Elemen ke-3 adalah berkaitan elemen yang terdapat di dalam video infografik ini dari segi pemilihan warna integrase yang sesuai, animasi yang dipilih sebagai penarik minat, imej atau gurisan Shorthand yang dipaparkan, pemilihan gaya fon dan pelbagai elemen teks, audio dan video.

Item 5: Video infografik ini mempunyai integrase warna yang bersesuaian


Item 6: Video infografik ini mempunyai pergerakan animasi yang jelas, terang dan lancar

Item 7: Video infografik ini mempunyai gambar yang terang dan jelas

Item 8: Video infografik ini menggunakan huruf/fon teks yang jelas dan bersesuaian

Item 9: Video infografik ini mengintegrasikan elemen teks, audio, video & grafik yang bersesuaian dengan strategi pengajar yang dipersembahkan

Item 10: Video infografik ini mempunyai integrase elemen yang menarik perhatian




Graf 3: Graf menunjukkan lima elemen teks, audio dan video serta strategi persembahan slaid

Graf di atas menunjukkan elemen teknikal dalam pembikinan video infografik. 78.4% menyatakan pemilihan warna hijau adalah sesuai kontras dengan latar belakang warna putih. 80.4% menyatakan penggunaan apps primero-pro sesuai untuk kelancaran animasi setiap slaid. 74.5% gambar berbentuk muka (facemap) memudahkan responden mengingat simbol gurisan Shorthand yang dibunyikan seiring dengan suara. Manakala 78.4 % menyatakan bentuk fon arial adalah jelas dan sesuai. Seterusnya 80% menyatakan strategi bentuk muka (facemap) dapat merangkumkan semua topik Shorthand yang asas.

4.5 Elemen ke- 4 adalah berkenaan isikandungan bahan yang dibangunkan adalah bersifat interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Item 11: Video ini menyediakan isi kandungan pengajaran yang berkaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar/pensyarah

Item 12: Video ini menyediakan isikandungan yang berkesinambungan dan disusun dengan baik serta tidak mengelirukan



Graf 4: Graf menunjukkan elemen yang dibangunkan bersifat interaktif untuk pengajaran dan pembelajaran

Graf di atas menunjukkan bahawa 80.4% responden dapat mengetahui isi kandungan berkaitan mengikut silibus Shorthand terkini yang telah mereka pelajari. 78.4% menyatakan susunan isi kandungan adalah tersusun mengikut kategori bentuk gurisan Shorthand serta tajuk yang dipelajari. Ini menunjukkan bahawa ketepatan strategi bentuk facemap yang dibangunkan dapat merangkumi keseluruhan topik shorthand sebanyak 14 tajuk.

5. Kesimpulan

Hasil tinjauan mendapati penggunaan video interaktif yang dibangunkan dapat memberi kesan positif terhadap kefahaman, kejelasan penerangan, kaedah mengingat cepat yang pasti boleh mengatasi masalah pembelajaran *Shorthand*. Alternatif yang dibangunkan bagi menggantikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bersemuka dapat diteruskan oleh pelajar di luar bilik kuliah dengan mengakses laman web yang mengandungi nota slaid facemap yang mudah dicapai. Teknik ini memberi impak positif kepada pelajar sebagai bahan rujukan tambahan tanpa mengira masa untuk mereka belajar. Pensyarah yang mengajar *Shorthand* juga boleh menjadikan inovasi ini sebagai medium pengajaran interaktif dalam dan luar bilik kuliah. Para setiausaha yang kemungkinan sudah banyak lupa tentang gurisan ini dan hendak mengingat semula boleh membuat ulangkaji secara maya dan mendaplikasikannya di tempat kerja masing-masing. Penggunaan Shorthand ini masih digunapakai oleh para setiausaha dalam kerja mereka untuk menjaja kerahsiaan dan menulis pantas. Cadangan penambahbaikan pada masa akan datang agar pengkaji mencipta bagaimana pengajaran dan pembelajaran *Shorthand* lebih menarik agar penggunaan Shorthand sentiasa relevan dengan tugas kesetiausahaan. Pembangunan video pembelajaran *Shorthand* untuk pengembangan beberapa kosonan, pembinaan perkataan, rangkaikata dan penterjemahan daripada artikel-artikel pendek.

Rujukan

- Abd Rasid Jamian et.al (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkat Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid Probim. Jurnal Pendidikan BM-JPBM, Vol.2, Bil. 2(Nov.2012)
- Azizi Yahya & Intan Sapinas Bahuri. "Pembelajaran Koperatif." (2010). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bayard, T. (2012). *Types of Shorthand*. Demand Media Inc. www.onlineshorhand.com/-/index.asp. Retrieved on 8th October 2012.

- Che Ghani Che Kob, Mai Shihah Abdulah, Arasinah Kamis, Zaliza Hanapi, Ridzuan Che (2016). Amalan Gaya pembelajaran pelajar cemerlang di Politeknik Seberang Perai: Kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 181-191.
- Elyas, A. H. (2018). Penggunaan model pembelajaran e-learning dalam meningkatkan kualitas pembelajaran. *Jurnal Warta*, 56(04), 1–11. pencapaian Pelajar Dalam Kursus DPA3043. National Innovation and Invention Competition through Exhibition (ICompEx'17).
- Johari, N. A., & Harun, J. (2010). Pembangunan Dan Penilaian Keberkesanan Persekitaran Pembelajaran Sosial Menerusi Web Bagi Menggalakkan Pembelajaran Aktif. Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kendra Cherry, ms.reoverme.com/skala-likert-dan-kelebihan-dan-kekruangan/
- Marchellino Enggol Anak Pius, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Ahmad Zamri Mansor (2021). Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Dalam Meningkatkan Pencapaian dan Motivasi Pelajar bagi Mempelajari Puisi Tradisional Bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*.
- Mimi Suhana, Abd Aziz (2007) Rekabentuk kerangka piawaian nasional program kejurulatihan guru/pensyarah TVET: Perspektif institusi pengajian tinggi di Malaysia. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Norazlina Md Rusdin (2015). Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan. UPSI
- Norbaini, Siti, and Binti Abdul Halim (2015). "Faktor-faktor kegagalan latihan dalam organisasi."
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* - Julai 2013, Bil. 1 Isu 3 34.
- Rosli, Q., & Noor, A. Y. M. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul 'Ulūm Ihyā' 'Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar. *Akademika*, 87(3), 137–149.
- Patric Sam Ogowang (2020). The Need and Relevance of Shorthand Knowledge for Contemporary Secretaries. <https://www.alleducationjournal.com>
- Salena Kua (2020) Penilaian. <https://www.scribd.com>
- Sarimah, Ibrahim (2015). Motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan teknologi multimedia pada abad ke-21 (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak, (UNIMAS)).
- Salha Mohamed Hussain. (2014). Keberkesanan pembelajaran kooperatif untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa melayu. *Proceeding of the Global Summit on Education, GSE 2014* (e-ISBN 978-967-11768-5-6), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Slavin, R.E. (1990). *Cooperative learning: Theory, research, and practice* (2nd Ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Siti Mazira (2019). Faktor-Faktor Pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Semester 2 Tidak Menguasai Dengan Cemerlang Kursus Shorthand 1 DPK 1013. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia* (LIS2019), ISSN 2710-6985.
- Syaaika Aika 92019). Kajian Tinjauan. <https://prezi.com>
- Syamimi Syahira (2019). Penilaian Pengrekrutan Dan Pemilihan Pekerja Menerusi Atas Talian. UMS
- Vercellotti, M. Lou. (2018). Do interactive learning spaces increase student achievement? A comparison of classroom context. *Active Learning in Higher Education*, 19(3), 197–210. <https://doi.org/10.1177/1469787417735606>.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. 6th. Ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Wahidah, Abu Bakar, (2011) Keberkesanan Konsep Peta Minda Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zainudin bin Hassan, Mohd Zaki bin Mohamed Som, Nur Azza binti Abd Aziz. Perkembangan dan Reformasi Sistem Pendidikan di Malaysia. 2015. *Jurnal Pendidikan Nusantara Indonesia*, 1(1), 110-123.

